

Seni, budaya jana pendapatan

» **Industri kreatif mampu beri pulangan lumayan: TPM**

Oleh **Petah Wazzan Iskandar**
wazzan@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Industri seni dan budaya mempunyai masa depan cerah dan berpotensi menjana pendapatan lebih tinggi kepada negara pada masa depan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bidang itu juga mampu mengukuhkan nama Malaysia di persada antarabangsa.

Beliau mengambil contoh Perancis yang mencapai kejayaan besar dalam bidang pelancongan berasaskan seni dan budaya dengan pendapatannya mencecah AS\$256 bilion (RM937.04 bilion).

"Adalah baik kita belajar dari Perancis serta pelbagai bandar dan negara di dunia bagaimana mereka berjaya membangunkan strategi untuk menggalakkan industri pelancongan dan industri seni sebagai penyumbang kepada ekonomi negara.



Muhyiddin melancarkan buku **Rekayasa Kebudayaan** sambil disaksikan (dari kiri) Pengasas dan Pengarah Vallette Gallery, Patrice Vallette; Pengerusi ITBM, Datuk Sharuddin Md Salleh; Pengerusi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, Datuk Mahadzir Lokman; Ketua Pegawai Eksekutif Razak School of Government, Prof Madya Dr Hamidin Abd Hamid dan Claude Mollard di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]

"Bandar raya Paris adalah satu contoh terhebat bagaimana seni dan kebudayaan menjadi tarikan utama pelancong, sekali gus menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang tinggi dan meletakkannya pada kedudukan antara lima wilayah terkaya di Eropah," katanya berucap merasmikan Persidangan Ekonomi Seni 2015 dan pelancaran buku *Rekayasa Kebudayaan* di sini, semalam.

Buku *Rekayasa Kebudayaan* yang asalnya berbahasa Perancis '*L'ingenierie Culturelle*' (Kejuruteraan Kebudayaan) hasil tulisan Claude Mollard diter-

jemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).

Galak industri kreatif

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata, ketika ini industri kreatif, meliputi seni dan budaya, menyumbang kira-kira RM33 bilion kepada KDNK Malaysia.

Beliau berkata, di bawah Program Transformasi Ekonomi, industri kreatif diberikan geran RM17 juta untuk melaksanakan program jangka pendek yang dikenali sebagai *Quick Wins* untuk persembaha-

han seni bagi tempoh antara 2012 dan 2014.

"Selaras usaha mewujudkan masyarakat yang kaya dengan budaya, pelbagai program diadakan untuk meningkatkan kesedaran terhadap kebudayaan dan kesenian dalam rakyat Malaysia," katanya.

Di Malaysia, beberapa universiti dan institusi pengajian tinggi turut menawarkan kursus seni dan reka bentuk, antaranya Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM) dan Akademi Seni Warisan dan Budaya (ASWARA).